

BULETIN KPKT

VOLUME 3/2013

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



FORMULASI AGENDA MESRA RAKYAT Kesejahteraan Rakyat Diutamakan



OPERASI MENYELAMAT DAN
MEMINDAH MANGSA BANJIR

Muka surat 23

TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2014
- TANDAS KITA: BERSIH, SELESA
DAN CERIA

Muka surat 10

ISSN 1394-0538



9|771394|053002|

Sidang Redaksi

Penasihat

YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak
Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ketua Editor

Jessylina Mat Lazim
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Penolong Ketua Editor

Rosyila Abdul Latif
Pegawai Perhubungan Awam

Noraidah Mohd Noor
Penolong Pegawai Perhubungan Awam

Sidang Pengarang

Bahagian Kesejahteraan Bandar
Bahagian Undang-Undang
Bahagian Dasar
Bahagian Inspektorat
Bahagian Kewangan dan Perolehan
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Korporat
Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Teknologi Maklumat
Unit Audit Dalam
Jabatan Perumahan Negara
Jabatan Kerajaan Tempatan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Jabatan Landskap Negara
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah
Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Fotografi

Ahmad Marzuki Othman

Tinta Pena Sidang Redaksi

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah rahmat dan izin-Nya, KPKT berjaya menggalas tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun 2013. Di kesempatan ini, Sidang Redaksi Buletin KPKT ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan menyumbang dalam penerbitan tiga terbitan Buletin KPKT bagi tahun 2013.

Tahun 2013 melakar catatan sejarah penting buat KPKT bilamana nama kementerian ini yang asalnya ialah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah ditukarkan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berikutan penstrukturan semula Kabinet selepas Pilihan Raya Umum ke-13 pada Mei 2013. Perubahan nama kementerian ini membawa bersama amanah besar kepada KPKT untuk menangani isu-isu berkaitan kesejahteraan bandar. Pewujudan sektor Kesejahteraan Bandar di KPKT menjadikan KPKT lebih dekat dengan rakyat terutamanya rakyat yang tinggal di bandar.

Kehadiran YB Datuk Abdul Rahman Dahlan selaku Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan membawa beberapa perubahan dalam dimensi penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan merencanakan lagi pelaksanaan inisiatif-inisiatif kementerian dengan menekankan penglibatan aktif pihak pengurusan dan warga kerja KPKT dalam program turun padang dan ramah mesra serta kepentingan strategi komunikasi berkesan.

KPKT komited melaksanakan program sedia ada dan menganjurkan pelbagai inisiatif baharu sepanjang tahun 2013 antaranya ialah Program Rumah Transit untuk pasangan yang baharu berkahwin; penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) sebagai penghubung antara Kerajaan dengan masyarakat di bandar; pembangunan gerbang Xchange Rakyat bagi mempromosikan perkhidmatan penduduk bandar dan menambah pendapatan; penyediaan Buskers Corner untuk pemuzik jalanan membuat persembahan; transformasi sosial bagi menggalakkan warga kota terlibat dengan kerja-kerja kesukarelawan; dan penubuhan Pusat Sehati Bomba bagi membantu mangsa kebakaran dalam mendapatkan penggantian dokumen yang musnah dalam kebakaran.

Kejayaan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini adalah didokong oleh usaha dedikasi dan komitmen utuh daripada seluruh warga KPKT. Diharapkan kejayaan tersebut menjadi pendorong dan motivasi untuk semua warga berusaha dengan lebih gigih pada tahun-tahun yang akan datang.

Selamat Tahun Baharu 2014. Bersama-samalah kita menyemarakkan Tahun Melawat Malaysia 2014.

Sidang Redaksi

Buletin KPKT Volume 3/2013

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Editor Buletin KPKT amat menghargai sumbangan artikel daripada warga KPKT. Artikel berkenaan hendaklah dikemukakan ke:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Ara 2, No. 51 Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel : (603) 8891 5556
Faks : (603) 8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my
Portal : www.kpkt.gov.my
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov

AGENDA UTAMA TUMPUAN YB MENTERI

Kesejahteraan Rakyat Jadi Keutamaan

(Disunting dari artikel bertajuk Enam Agenda Tumpuan Rahman Dahlan, terbitan Utusan Malaysia, 12 Oktober 2013)

Dikira dari segi tempoh perkhidmatannya, sudah lebih lapan (8) bulan YB Menteri Datuk Abdul Rahman Dahlan memegang jawatan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ternyata, kesungguhannya berkaitan dengan perubahan dan cabaran yang dihadapi oleh penduduk bandar cukup jelas. YB Menteri berusaha keras mencari penyelesaian terhadap masalah rakyat, terutama dalam menyediakan unit rumah mampu milik dan meningkatkan taraf hidup penduduk di bandar. Antara keputusan awal yang diambil adalah:

Penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP)

Penubuhan JPP merupakan satu anjakan baharu di bawah PKPT khusus untuk membantu rakyat yang tinggal di kawasan bandar. JPP akan berfungsi sama seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang bertindak sebagai penghubung antara Kerajaan dengan masyarakat. Dengan adanya JPP penduduk mempunyai platform untuk membuat sebarang aduan terhadap masalah atau sebarang isu yang mereka hadapi. Melalui JPP setiap masalah itu akan dipanjangkan kepada pihak Kerajaan untuk diselesaikan dengan segera.

Xchange Rakyat

Xchange Rakyat merupakan salah satu platform yang diusahakan oleh pihak Kementerian untuk membantu penduduk bandar menambahkan pendapatan mereka melalui kemahiran atau bakat tertentu. Sehubungan dengan itu, Kementerian sedang membangunkan gerbang Xchange Rakyat secara atas talian bagi memudahkan orang ramai mengiklankan perkhidmatan mereka. Melalui gerbang Xchange ini juga, penduduk boleh mendapat maklumat mengenai perkara-perkara lain antaranya kemudahan car pool yang ditawarkan oleh mana-mana penduduk bertujuan mengurangkan kos pengangkutan.

Program Bahasa Inggeris

Program ini juga merupakan program baharu pihak Kementerian dalam usaha meningkatkan penguatkuasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar termasuk juga graduan yang telah menamatkan pengajian. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian akan mengenal pasti bentuk aktiviti-aktiviti yang sesuai bagi memudahkan program tersebut dilaksanakan. YB Menteri yakin program ini mampu memberi manfaat serta nilai tambah kepada para pelajar dan graduan terutama dalam usaha kerajaan mempersiapkan mereka dengan kemahiran berbahasa Inggeris.



Program Rumah Transit

Program ini bertujuan membantu pasangan muda yang baru berkahwin untuk memiliki sebuah kediaman yang selesa di kawasan bandar. Sasaran ditujukan kepada pasangan yang memiliki pendapatan isi rumah di bawah RM3,000 dan tempoh sewaan yang ditetapkan adalah selama dua (2) tahun. Dalam tempoh berkenaan, pasangan terbabit mampu mencari jalan untuk membeli rumah pertama mereka. Sebagai permulaan kepada projek tersebut, tumpuan akan dilaksanakan di bandar besar seperti Kuala Lumpur sebelum diperluaskan ke bandar-bandar lain pada masa akan datang. Dalam pada itu, pihak Kementerian memperuntukan 10 peratus daripada jumlah Projek Perumahan Rakyat (PPR) untuk disewa oleh golongan berkenaan.

Buskers Corner

Buskers Corner merupakan satu inisiatif Kementerian menyediakan sudut tertentu di kawasan-kawasan terpilih khusus untuk pemuzik jalanan membuat persembahan. Selain memberi peluang kepada pemuzik jalanan menampilkan bakat mereka, program ini juga dapat membantu orang ramai terutama generasi muda untuk menjadikannya sebagai salah satu aktiviti yang menghiburkan. Lanjutan daripada itu, pihak Kementerian juga merancang menyediakan sudut-sudut untuk persembahan teater mini bagi menghiburkan warga kota.

Transformasi Sosial

Inisiatif transformasi sosial diperkenalkan bertujuan untuk menjadikan warga kota lebih seimbang, adil dan saksama. Melalui inisiatif ini, pihak Kementerian berhasrat melahirkan lebih ramai warga kota yang terlibat dalam kerja-kerja kesukarelawan termasuk kerjasama dengan pihak lain antaranya, 1Malaysia For Youth (iM4U).

Pusat Sehati Bomba

Sebagai usaha mendekatkan orang ramai dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta membantu dan mengurangkan tekanan mangsa kebakaran, PKPT mewujudkan 'Pusat Sehati Bomba' yang membolehkan mangsa mendapatkan penggantian dokumen yang musnah dalam kebakaran.



UPB KEKAL KUOTA, DAN ELAK MANIPULASI PERUMAHAN BUMIPUTRA

Pada 24 September yang lalu, YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan telah mengumumkan mengenai usaha mewujudkan Unit Pembangunan Bumiputra (UPB) yang bertujuan memastikan kepentingan Bumiputra dalam sektor hartanah dijaga dan dipantau dengan lebih teliti. Unit ini ditubuhkan seminggu selepas YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak mengumumkan Agenda Pelaksanaan Ekonomi Bumiputra. Berikutan pengumuman oleh YB Menteri, wartawan dari Mingguan Malaysia telah menemu bual YB Menteri bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai UPB dan isu-isu lain yang berkaitan dengan perumahan.

Menurut YB Menteri, UPB adalah idea dan mekanisme baharu dalam memastikan kuota perumahan Bumiputra dapat dikekalkan. Walaupun terdapat banyak pihak yang bertanggungjawab memastikan kuota Melayu/Bumiputera dalam sesebuah projek perumahan, namun inisiatif yang lebih mapan dan berterusan perlu diambil bagi memperkasakan Bumiputra dalam sektor hartanah dan ini melibatkan sektor perumahan persendirian serta perumahan komersial.

UPB di KPKT akan diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha dan dipantau oleh Ketua Setiausaha. Antara tugas awal adalah memastikan kuota perumahan Bumiputra dipatuhi daripada segi jumlah dan tidak sewenang-wenangnya ditukar ganti dengan wang. Hal ini adalah kerana, terdapat segelintir pemaju yang memohon Kerajaan Negeri supaya komitmen membina rumah-rumah murah ditukar sehingga sanggup membayar denda sebagai timbal balas. Selain itu, UPB juga akan memastikan lot-lot Bumiputra tidak diletakkan di kawasan terpencil dalam sesebuah projek perumahan sebaliknya setanding dengan lot-lot bukan Bumiputra.

Kini, UPB sedang dalam proses pembahagian tugas. Sebagai langkah susulan, anggota unit yang terdiri daripada wakil dari semua jabatan akan mengadakan mesyuarat dan YB Menteri sendiri akan memantau mesyuarat tersebut. UPB akan bergerak secara lebih menyeluruh dan perlu memastikan setiap pembangunan perumahan yang dimajukan tidak mengabaikan kuota Melayu/Bumiputra

Cadang Agensi Khusus Beli Rumah Kuota Bumiputra Yang Tidak Terjual

Bagi projek perumahan yang memperuntukkan kuota Melayu/Bumiputra, pemaju perumahan tidak boleh memberi alasan tidak boleh menjual unit-unit tersebut kononnya tidak ada permintaan daripada orang Melayu dan kaum Bumiputra lain untuk membelinya walaupun telah diiklan beberapa kali. Jika sekiranya keadaan ini berlaku, UPB akan memantau keadaan itu dan jika perlu mengambil tindakan sewajarnya yakni dengan memastikan pengiklanan dibuat secara besar-besaran dan ketara.

YB Menteri juga mencadangkan supaya sebuah agensi Kerajaan dipertanggungjawabkan khusus untuk membeli rumah-rumah kuota Bumiputra yang gagal dijual oleh pemaju akan tetapi perkara ini tertakluk kepada kemampuan Kerajaan. Melalui kaedah ini, jumlah Bumiputra termasuk orang Melayu yang tinggal di kawasan perumahan di sesuatu kawasan dapat dikekalkan.

KPKT juga akan memastikan kontrak-kontrak kecil diberikan kepada usahawan-usahawan Bumiputra sebagai tambahan kepada kontrak kelas F yang diberikan kepada Bumiputra sebelum ini. Hal ini adalah untuk memastikan kepentingan usahawan Bumiputra diperkembangkan.

Intai Perkembangan Gerai dan Pusat Penjaja

Selain itu, UPB juga disaran untuk melihat perkembangan gerai dan pusat penjaja baharu yang belum diwujudkan dan premis komersial agar lebih teratur dan kemas bertujuan untuk mengkomersilkan perniagaan golongan ini dengan kemudahan-kemudahan dan tahap kebersihan yang lebih selesa serta anjakan dari segi kriteria untuk menjalankan perniagaan ditempat-tempat yang berkenaan.

Dari segi kuota unit rumah Melayu/Bumiputra, setiap negeri mempunyai jumlah yang ditetapkan. Dengan adanya UPB, unit akan menyelaraskan kuota yang ditetapkan oleh negeri-negeri. Hal ini adalah kerana, ada dikalangan pemaju yang sengaja tidak berusaha secara agresif untuk menjual unit-unit berkenaan dan akan memaklumkan kepada KPKT bahawa unit-unit berkenaan tidak dapat dijual walaupun telah diiklankan tiga (3) hingga empat (4) kali. Melalui UPB, Kementerian ingin mengetahui kaedah pengiklanan yang digunakan oleh pemaju.

Selain isu kaedah pengiklanan, Kementerian mendapati ada juga pemaju yang apabila dihubungi oleh pembeli akan memaklumkan bahawa unit rumah Bumiputra sudah habis dijual. Apabila unit Bumiputra gagal dijual, pemaju akan diberi kebenaran untuk menjual unit tersebut kepada pembeli bukan Bumiputra dengan harga yang lebih tinggi.

Bagi menangani masalah ini, UPB akan membuat kajian mengenai punca unit-unit tersebut gagal dijual. Walaupun tiada undang-undang tertentu yang menyekat perbuatan menjual unit rumah Bumiputra kepada kaum-kaum lain, namun Kerajaan mempunyai beberapa dasar yang memperuntukkan kuota rumah Bumiputra dalam sesuatu projek perumahan. Jika didapati ada pemaju perumahan yang sengaja memanipulasi kuota Bumiputra ini, pihak Kementerian tidak akan teragak-agak untuk menyenaraihitamkan mereka dan pemaju berkenaan tidak akan diberikan lesen untuk projek perumahan seterusnya.

Kerajaan Perbanyak Projek PRIMA, SPNB dan JPN, Bantu Pemaju Swasta

KPKT menerima banyak rungutan daripada orang awam mengenai kenaikan harga rumah kebelakangan ini. Isu kenaikan harga rumah terutamanya di kawasan bandar turut mempengaruhi penjualan unit rumah Bumiputra. Oleh hal yang demikian, pihak Kementerian telah berusaha untuk membantu orang awam menangani isu ini antaranya dengan menganjurkan Bengkel Inisiatif Menurunkan Harga Rumah pada 22 Ogos 2013 bagi mengenal pasti punca kenaikan dan mencari kaedah dan pendekatan yang boleh dilaksanakan bagi menurunkan harga rumah.

Faktor utama yang menyebabkan kenaikan harga rumah terutamanya di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur adalah kerana harga tanah yang mahal. Hal ini menyebabkan pemaju terpaksa menaikkan harga rumah atau berdepan kerugian jika mengurangkan harga rumah. Sehubungan dengan itu, Kerajaan mengambil pendekatan dengan memberikan tanah-tanah Kerajaan kepada pihak PR1MA, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Jabatan Perumahan Negara (JPN), KPKT. Kerajaan juga membantu dengan memberi Geran Fasilitasi sebagaimana yang diumumkan oleh YAB

Perdana Menteri baru-baru ini. Bantuan seumpama ini dan kemudahan lain boleh mengurangkan kos pemaju membina rumah di atas tanah kosong. Dengan pemberian pelbagai insentif ini, pihak Kerajaan berharap mereka boleh membina lebih banyak rumah mampu milik.

Dalam masa yang sama, pihak Kerajaan juga mempertimbangkan beberapa cadangan untuk memberikan insentif kepada pemaju perumahan swasta bagi membina lebih banyak rumah mampu milik. Dengan cara ini, harga rumah boleh dikurangkan apabila terdapat jumlah penawaran rumah yang banyak.

Antara insentif yang dicadangkan oleh KPKT untuk diberikan kepada pemaju perumahan sektor swasta ialah pelepasan cukai (levy untuk pekerja-pekerja asing yang bekerja dalam projek rumah mampu milik). Selain itu, pemaju swasta boleh dibantu melalui pemberian lesen AP (Permit Import) yang mana mereka akan diberi kebenaran untuk mengimport bahan-bahan binaan mereka sendiri untuk mengurangkan kos berbanding pembelian melalui pihak ketiga. Kerajaan juga boleh memberi pelepasan cukai pendapatan kepada pemaju-pemaju perumahan terbabit.

1 Juta Rumah Mampu Milik Menjelang 2018

YB Menteri memaklumkan bahawa PRIMA akan membina 100,000 rumah setahun untuk tempoh lima (5) tahun, sementara 100,000 rumah lagi akan dibina oleh JPN, SPNB dan agensi-agensi perumahan Kerajaan di peringkat negeri. Syarikat Perumahan Swasta akan turut membina rumah-rumah mampu milik. Agensi-agensi ini turut membina rumah berharga antara RM100,000 hingga RM150,000 di kawasan luar bandar yang juga merupakan rumah mampu milik. Ini adalah sebahagian daripada statistik satu (1) juta rumah yang bakal dibina seperti yang diwar-warkan oleh YAB Perdana Menteri sebelum ini.

YB Menteri juga memberitahu bahawa KPKT ada membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan agar menyuntik lebih banyak dana untuk membina lebih banyak rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR). Inisiatif ini akan membolehkan pihak Kementerian menjual rumah kepada penduduk bandar yang berpendapatan rendah dan memindahkan golongan setinggan ke kawasan-kawasan perumahan yang lebih kondusif dan selesa. Suntikan dana kerajaan yang besar amat penting bagi memastikan rakyat mendapat rumah di bawah PPPR dengan lebih cepat. Tidak ada Kerajaan di negara lain yang memberikan subsidi lebih daripada 70 peratus untuk kediaman rumah. Rumah PPR ini dibina dengan dengan kos RM160,000 satu unit tetapi dijual kepada rakyat dengan harga RM35,000 sahaja.



FAKTA DAN ANGKA

**500,000 unit rumah disediakan oleh PR1MA + 500,000 unit rumah disediakan oleh awam dan swasta
= 1 juta unit rumah mampu milik (2013-2018)**

PASAR AWAM GUNUNG RAPAT DINAIK TARAF

Pada 25 September 2013, Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak diiringi oleh Datuk Bandar Ipoh, Datuk Roshidi Hashim telah melawat Pasar Awam Gunung Rapat, Ipoh. Pasar tersebut yang sebelum ini berada dalam keadaan daif dan menjadi sarang pembiakan tikus akan dinaik taraf sepenuhnya menjadi sebuah pasar awam moden untuk memberi kemudahan lebih selesa kepada penduduk sekitar Gunung Rapat. Langkah menaik taraf pasar awam ini juga adalah berdasarkan permintaan peniaga di pasar berkenaan yang mahukan sebuah pasar yang lebih selesa bagi menggantikan pasar sedia ada yang terlalu daif. Tinjauan YBhg. KSU mendapati, ramai peniaga yang temui bersetuju supaya pasar berkenaan dinaik taraf sepenuhnya, malah ada yang telah masuk ke gerai-gerai yang telahpun dinaik taraf.

Sebelum ini pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) telah pun mempunyai perancangan untuk menaikkan beberapa lagi gerai di kawasan pasar berkenaan dan beliau berharap proses berkenaan berjalan dengan lancar. Mengikut perancangan pihak MBI, cadangan menaik taraf Pasar Awam Gunung Rapat melibatkan kos kira-kira RM 878,000. Setakat ini, lapan (8) unit gerai telah siap sepenuhnya manakala enam (6) lagi unit gerai sedang dalam proses perobohan bagi membina semula gerai baru.



GARIS PANDUAN SEMBELIH AYAM DILULUS

Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan ke-66 (MNKT-66) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Putrajaya telah meluluskan tiga (3) kertas cadangan termasuk garis panduan pusat penyembelihan ayam, itik dan unggas di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Selain itu, mesyuarat turut meluluskan cadangan inisiatif memantapkan urusan permit pembinaan di PBT dan agensi teknik luaran. Turut diluluskan cadangan sumbangan PBT kepada Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (KWPPSPA) bagi pembayaran penswastan pengurusan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Mesyuarat telah dihadiri Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri. Dr. Ali Hamsa, Menteri-Menteri Kabinet dan Exco Kerajaan Negeri.

Garis panduan pusat penyembelihan ayam, itik dan unggas yang diluluskan, menetapkan supaya semua aktiviti penyembelihan tidak dibenarkan dilakukan di pasar-pasar dalam kawasan PBT. Penyembelihan hendaklah dilaksanakan secara berperingkat mengikut kawasan dan keutamaan iaitu bukan di kawasan yang pernah berlaku insiden selesema burung, jarak 10 kilometer (km) dari kejadian, mempunyai kepadatan penduduk tinggi dan masalah kebersihan yang kerap kali timbul. Objektif garis panduan itu antaranya bertujuan mengawal kejadian penyakit, mengawal pencemaran air sungai serta mengurangkan masalah lipas, lalat dan tikus selain sisa buangan pepejal. Garis panduan itu turut menyatakan, langkah baharu tersebut bagi memastikan aspek halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri dipatuhi.

KEMPEN 10 KELUARGA 1 ANGGOTA SKIM RONDAAN SUKARELA NEGERI SELANGOR

Selaras dengan usaha memerangi jenayah secara bersama antara semua agensi dan penduduk, satu Majlis Pelancaran Kempen 10 Keluarga 1 Anggota Skim Rondaan Sukarela (SRS) peringkat Negeri Selangor 2013 telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 9 November 2013 di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Pandamar Indah 2, Klang. Majlis ini dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional Negeri Selangor dengan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi termasuk PDRM, Majlis Perbandaran Klang, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Jabatan Kesihatan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, Smart Synergy Venture Sdn. Bhd dan KRT dan SRS Negeri Selangor.

Tujuan utama majlis ini diadakan adalah untuk:

- Memupuk, mengukuh dan mempertingkatkan keselamatan kejiiran;
- Menggalakkan dan menyemarakkan semangat orang ramai dalam usaha pencegahan jenayah dalam kawasan kejiiran;
- Merapatkan hubungan antara komuniti dengan PDRM dalam menangani masalah keselamatan; dan
- Menggalakkan penglibatan orang ramai dalam SRS

Majlis ini dihadiri oleh tiga (3) orang Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Unit Khas NKRA Bandar Selamat iaitu Cik Zuliana Nawawi, Cik Siti Marini Mokhtar dan Cik Siti Roshidah Abd. Wahab mewakili JPBD sebagai tanda menyokong penuh usaha-usaha untuk membanteras jenayah.

TAMBAHAN RM 1.2 JUTA BAIKI INFRASTRUKTUR DAERAH SUNGAI LIMAU

YB Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan telah menyertai program turun padang bersama Pihak berkuasa Tempatan (PBT) di Kedah di Simpang Tiga, Sungai Limau pada 22 Oktober 2013. Semasa lawatan, YB Menteri telah memaklumkan bahawa KPKT akan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM1.2 juta bagi projek pembangunan infrastruktur di Daerah Sungai Limau, Kedah yang terletak di pesisir pantai dan kawasan sawah padi. Projek pembangunan itu akan melibatkan kerja membaiki dan menurap jalan serta membersihkan jalan yang akan disiapkan dalam tempoh tiga (3) bulan.

Sebelum ini, KPKT turut memperuntuk sebanyak RM 2.8 juta di Daerah Yan bagi pelaksanaan projek kemudahan awam, prasarana dan pembangunan sosio-ekonomi yang mana peruntukan itu termasuk sebanyak RM800,000 daripada Kerajaan Persekutuan dan RM700,000 daripada Kerajaan Negeri bagi pembinaan 24 unit ruang niaga di kawasan itu. Tambahan daripada itu, peruntukan bagi Daerah Yan sebelum ini membabitkan projek pembinaan tandas awam di kawasan rekreasi Kaki Gunung Jerai dan projek menaik taraf longkang dan membina laluan pejalan kaki di jalan Pantai Murni dan di Pekan Yan Kecil dan Pekan Simpang Tiga. Peruntukan itu adalah sebahagian daripada keseluruhan berjumlah lebih RM32.6 juta yang diberi kepada Kedah bagi melaksanakan sebanyak 289 projek kemudahan awam dan prasarana di 11 PBT di negeri ini.

Sistem Penarafan Bintang PBT di Semenanjung Malaysia, Perbadanan Labuan dan Sabah

Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) yang dahulunya dikenali sebagai Sistem Star Rating Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT) telah dilaksanakan di 99 Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia, Perbadanan Labuan dan 24 PBT di Sabah pada tahun 2013.

Melalui penilaian ini, PBT akan diletakkan pada suatu tahap kedudukan bintang yang sesuai berdasarkan markah yang diperolehi. Penilaian ini juga bertujuan untuk mewujudkan budaya kecemerlangan berteraskan prestasi melalui persaingan sihat dalam kalangan PBT. Selain itu, penilaian ini membantu PBT supaya sentiasa berusaha untuk memantapkan tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, pelanggan dan stakeholders.

Pelaksanaan penggredan bagi PBT di Semenanjung dan Perbadanan Labuan telah dimulakan oleh Bahagian Inspektorat KPKT pada 18 Februari 2013 dan selesai pada 8 Oktober 2013. SPB-PBT Sabah pula telah mula dilaksanakan pada 29 Oktober 2013 dan selesai pada 12 Disember 2013.

Keputusan rasmi SPB-PBT bagi Semenanjung Malaysia, Perbadanan Labuan dan Sabah akan diumumkan pada tahun 2014.



JPP PEMANGKIN KOORDINASI WARGA BANDAR

Pada 25 Oktober 2013, Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Razak telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM63 juta untuk menubuhkan 24 zon Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) di setiap PBT. JPP akan bertindak sebagai satu entiti yang dianggotai wakil masyarakat setempat bagi menyokong program pembangunan masyarakat, di samping menangani isu-isu perbandaran di kawasan PBT.

Sehubungan dengan itu, KPKT telah merangka untuk menubuhkan 148 JPP di peringkat bandar yang mana organisasi yang akan ditubuhkan itu akan bertindak seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) bermula tahun 2014. JPP akan diwujudkan di setiap kawasan bandar di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara kecuali Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dan akan diberikan elaun.

Inisiatif yang dilakukan ini adalah bagi mengetahui permasalahan yang dihadapi rakyat khususnya di peringkat bandar untuk diketengahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu, jawatankuasa perwakilan penduduk akan dilantik dan akan bertindak melaporkan permasalahan penduduk kepada PBT seterusnya kepada pihak kementerian. Individu yang dilantik diharap dapat memberikan perhatian dan komitmen penuh terhadap kesejahteraan rakyat. Dengan adanya organisasi ini, pihak kementerian berharap penduduk akan lebih terbela kerana mempunyai saluran yang tepat untuk meluahkan sebarang masalah yang dihadapi rakyat yang berada di bandar. Langkah ini juga dilihat dapat merapatkan hubungan silaturahmi antara penduduk bandar.



RUMAH TRANSIT DI BANDAR

Rumah transit bagi pasangan yang baru berkahwin akan dilaksanakan pada awal 2014 bertujuan mengurangkan beban pasangan muda yang berpendapatan rendah, untuk memulakan kehidupan dan memiliki rumah sendiri di bandar. Program ini bakal diperkenalkan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pinggiran Bukit Jalil Kuala Lumpur dan akan menempatkan 632 pasangan kelamin muda. Perancangan baharu ini dilaksanakan kerana golongan berkenaan dilihat memerlukan masa untuk menyimpan wang dan menstabilkan ekonomi keluarga serta berdepan kekangan untuk mengumpul dana bagi pembelian rumah pertama.

Sebagai peringkat permulaan, KPKT memperuntukan sebanyak 632 unit rumah yang berkeluasan 650 kaki persegi setiap unit di Blok L dan Blok M di PPR Pinggiran Bukit Jalil bagi Program Rumah Transit. PPR Pinggiran Bukit Jalil secara keseluruhannya merangkumi 12 blok dengan kapasiti 3,780 unit rumah, terletak di kawasan yang strategik, iaitu lebih kurang 15 minit dari pusat bandaraya dan hanya 5 minit dari Stadium Nasional Bukit Jalil Kuala Lumpur.

Penyediaan CCTV dan pondok pengawal

Program Rumah Transit di Bukit Jalil ini akan ditambah baik penyelenggaraan dan kemudahannya berbanding PPR lain termasuklah memperkenalkan sistem kamera litar tertutup atau CCTV, Pondok Pengawal Keselamatan, kawasan berpagar, Unit Komuniti Bomba, unit untuk penjagaan kanak-kanak, surau dan ruang serbaguna. Selain itu, unit rumah transit juga akan dibekalkan dengan kipas, lampu, lantai jubin dan kad akses lif untuk ke unit individu.

Kemudahan Pengangkutan

Dari segi kemudahan pengangkutan, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kini sedang dalam perbincangan dengan Suruhanjaya Pengangkutan awam Darat (SPAD) bagi penyediaan bas 'feeder' untuk tujuan pengangkutan ke stesen LRT Bukit Jalil. Selain itu, sebuah stesen LRT juga sedang dibina bersebelahan dengan Blok Rumah Transit berkenaan, yang turut menjadi sebahagian projek sambungan LRT laluan Ampang yang dijangka beroperasi akhir tahun depan. Ini bermakna penghuni rumah transit Bukit Jalil akan menikmati kemudahan pengangkutan pantas dan cekap ke pusat bandar.

Pemohonan dan Pendaftaran

Setiap pasangan yang ingin memiliki rumah transit ini perlu mendaftar dalam Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT) di Lembaga Perumahan Negeri atau Bahagian Perumahan di Pejabat-Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, manakala untuk Kuala Lumpur, pemohon perlu mengemukakan permohonan di bawah SPT di laman web E perumahan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Saringan Terperinci

Pemohonan akan disaring mengikut syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan di peringkat negeri dan bagi Kuala Lumpur oleh DBKL. Selepas saringan diperoleh dari sistem pendaftaran online yang dibangunkan, permohonan akan dihantar ke Kementerian untuk tapisan seterusnya oleh jawatankuasa pemilihan penyewa rumah transit KPKT. Jawatankuasa ini akan dianggotai oleh wakil negeri bersama dengan pegawai dari Kementerian.

Saringan akan dibuat berpanduan kelayakan yang ketat dan terperinci. Kementerian akan memastikan hanya pasangan yang benar-benar layak mendapat manfaat program rumah transit ini. Pemohon juga perlu akur dengan Syarat-syarat Penyewaan Rumah Transit.



Syarat-syarat Penyewaan Rumah Transit:

- Warganegara Malaysia;
- Telah berkahwin dalam tempoh setahun;
- Pemohon berumur 30 tahun ke bawah;
- Tidak mempunyai rumah sendiri;
- Bekerja di Lembah Klang;
- Pendapatan isi rumah sebanyak RM3000.00 ke bawah;
- Tidak mempunyai rekod jenayah;
- Tempoh penyewaan dua (2) tahun;
- Kadar sewa RM 250 sebulan;
- Tidak boleh menyewakan rumah transit (sublet);
- Tidak boleh menuntut sebarang kos untuk pindah masuk/ keluar;
- Notis akan dikemukakan enam (6) bulan sebelum tarikh tamat kontrak;

SKIM PINJAMAN PERUMAHAN

SPP adalah satu usaha kerajaan membantu golongan berpendapatan rendah membiayai kos pembinaan rumah supaya golongan ini sekurang-kurangnya mempunyai kediaman asas. Skim ini diuruskan melalui akaun tabung amanah dikenali sebagai Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan bagi golongan berpendapatan rendah. Mereka yang layak memohon ialah warganegara Malaysia, berumur 21 hingga 60 tahun, bukan kakitangan Kerajaan termasuk pasangan, belum mempunyai rumah, jumlah pendapatan kasar isi rumah antara RM750 hingga RM2,500, memiliki tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga terdekat dan perlu mengambil perlindungan insurans yang disediakan panel insurans Jabatan Perumahan Negara ke atas rumah dibina.



KERAJAAN PERUNTUK RM 80 JUTA BINA PPR KEPAYAN RIDGE

YAB Timbalan Perdana Menteri menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Program Perumahan Rakyat Keapayan Ridge. Beliau diiringi oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke lokasi pada 1 Oktober 2013.

PPR Keapayan Ridge ini adalah salah satu projek daripada 45 projek yang diluluskan di bawah Belanjawan 2013. Tapak yang dicadangkan merupakan tanah seluas 6.437 ekar yang dimiliki Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar (LPPB) Sabah. Lokasi tapak adalah strategik iaitu 5.7 km daripada Pusat Bandar Kota Kinabalu. PPR Keapayan Ridge telah diluluskan pelaksanaannya dengan kos sebanyak RM80 juta.

Projek ini akan dimulakan pembinaannya pada awal tahun 2014 dan disiapkan pada tahun 2017 yang mengambil tempoh pembinaan selama 36 bulan. Walaupun tapak projek ini terletak di kawasan perumahan sedia ada dan telah dilengkapi dengan kemudahan awam dan asas, pembinaan PPR ini juga akan dilengkapi pelbagai kemudahan awam iaitu tadika, surau, dewan serbaguna, tempat letak kereta, pejabat pengurusan, taman permainan dan kawasan lapang. Keluasan sebuah unit rumah adalah sebanyak 700 kaki persegi dengan tiga (3) bilik tidur, dua (2) bilik air, ruang tamu, ruang makan, dapur dan ruang jemuran kain.



PERUMAHAN

PROJEK KARIAH SRI AKRAB SIAP DALAM TEMPOH 12 BULAN

Majlis Penyerahan Kunci Projek Kariah Sri Akrah di Juasseh telah diadakan pada 16 September 2013. Projek perumahan Kariah Sri Akrah merupakan projek terbaru yang berjaya dipulihkan oleh Kerajaan menggunakan kaedah kontraktor penyelamat. Melalui usaha itu, projek yang mempunyai 93 unit rumah kos sederhana yang terbengkalai sejak 2001 dipulihkan oleh MYA Construction yang dilantik oleh Kerajaan. Projek pemulihan ini berjaya disiapkan dalam tempoh 12 bulan dengan jumlah pembiayaan oleh Kerajaan sebanyak RM5.1 juta, yakni bagi menampung kos pemulihan projek dan pembayaran hanya dilakukan selepas projek siap dengan Sijil Layak Menduduki (CFO). Dengan komitmen yang tinggi oleh kontraktor penyelamat, projek ini telah pun memperoleh CFO pada 26 Julai lalu.

Secara keseluruhannya, sebanyak 19 daripada 22 projek perumahan swasta yang terbengkalai di negeri ini telah dipulihkan oleh Kerajaan sejak 2009 hingga 16 September 2013. Manakala, baki tiga (3) projek lagi sedang melalui pelbagai proses pemulihan. Jumlah 22 projek terbengkalai itu melibatkan seramai 2,542 pembeli. Pencapaian pemulihan projek terbengkalai ini adalah sangat baik dan ini adalah bukti kesungguhan Kerajaan dalam membantu pembeli-pembeli rumah yang berdepan dengan masalah projek perumahan terbengkalai.

DUA TUNTUTAN BOLEH FAIL SELEPAS KELUAR CCC

Soalan: Apakah tuntutan yang boleh difailkan di Tribunal Tuntutan Pembeli rumah (TTPR) dan tempoh masa untuk membuat tuntutan serta jumlah maksimum tuntutan yang boleh diperoleh?

Jawapan: Terdapat dua (2) tuntutan yang boleh difailkan di TTPR iaitu tuntutan teknikal dan bukan teknikal. Tuntutan teknikal ialah tuntutan disebabkan kecacatan mutu kerja atau bahan dan jika kediaman tidak dibina mengikut pelan dan butiran seperti dinyatakan dalam perjanjian jual beli, manakala tuntutan bukan teknikal adalah bagi kelewatan penyerahan milikan kosong.

Semua tuntutan hendaklah difailkan tidak lewat 12 bulan daripada tarikh pengeluaran perakuan siap dan pematuhan (CCC). Tarikh tamat tempoh liabiliti kecacatan seperti dinyatakan dalam perjanjian jual beli atau tarikh penamatan perjanjian jual beli oleh mana-mana pihak sebelum tarikh pengeluaran CCC, Tuntutan hanya boleh difailkan selepas rumah atau apartmen disiapkan atau perjanjian jual beli ditamatkan, bukannya ketika projek berkenaan terbengkalai.

Jumlah maksimum yang boleh dituntut ialah RM50,000 melainkan pihak berkenaan bersetuju secara bertulis bahawa TTPR mempunyai bidang kuasa untuk mendengar tuntutan berkenaan.

TANDAS BERSIH



TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2014 - TANDAS KITA: BERSIH, SELESA DAN CERIA



Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan telah dirasmikan oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 19 November 2013 di Putrajaya. Tema sambutan pada tahun ini ialah "Tandas Kita: Bersih, Ceria dan Selesa" yang bermaksud tandas kita hendaklah sentiasa berkeadaan bersih dalam setiap masa (24 jam/ 7 hari seminggu/ 365 hari setahun), dalam suasana tandas berkeadaan ceria tanpa merasa jijik, selesa dan selamat digunakan selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 2014. Sambutan ini membawa maksud:

- Program Kempen Tandas Bersih telah dijalankan sejak tahun 2001 bagi mencapai lebih banyak tandas-tandas awam berada di tahap kebersihan yang amat memuaskan;
- Hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang cantik, menarik dan bersih dalam segala aspek termasuklah kemudahan tandas awam;
- Isu kebersihan tandas ini kelihatan sebagai perkara biasa tetapi ia mempunyai implikasi yang besar ke atas kesihatan, kebersihan persekitaran serta ekonomi negara khususnya melalui aktiviti pelancongan terutamanya negara kita akan melancarkan Tahun Melawat Malaysia 2014;
- Tanda peringatan dan penghargaan kepada tandas yang menjadi keperluan penting dalam hidup manusia setiap hari;

• Meningkatkan kesedaran masyarakat betapa pentingnya menjaga kebersihan tandas dan menyelenggara tandas supaya dalam keadaan baik serta menanam semangat cintakan tandas.

• Meningkatkan imej kebersihan tandas awam di seluruh Malaysia. Usaha yang berterusan ini diharap dapat mewujudkan transformasi positif kepada wajah-wajah tandas awam di negara ini.

Pemenang bagi Anugerah Tandas Bersih – 1Malaysia yang dianjurkan oleh KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan turut diumumkan dalam majlis ini. Tahun ini merupakan tahun keempat penganjuran anugerah ini semenjak diperkenalkan pada tahun 2010. Pada tahun ini, kategori pertandingan telah bertambah kepada 11 kategori seperti yang berikut:

- Sekolah Menengah (Juara peringkat Negeri);
- Sekolah Rendah (Juara peringkat Negeri)
- Tandas Awam Kawasan Pelancongan
- Tandas Kegunaan Awam Pejabat-Pejabat Kerajaan
- Tandas Kegunaan Awam Hentian Awam
- Tandas Kegunaan Awam Restoran
- Tandas di IPTA/ IPTS
- Tandas Awam Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Perbandaran/ Majlis Bandaraya)
- Tandas Awam Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Daerah)
- Tandas Kegunaan Awam Pusat Beli Belah
- Tandas Awam Rumah Ibadat (Masjid/ Tokong/ Kuil) - Kategori Baru 2013

Pertandingan ini telah diadili oleh sebuah Jawatankuasa "Anugerah Tandas Bersih – 1Malaysia 2013" yang terdiri daripada KPKT, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Perbadanan Putrajaya dan juga Badan

Bukan Kerajaan (NGO) antaranya adalah Persatuan Bilik Air Berkualiti Malaysia (QRAM). Hadiah untuk para pemenang adalah berupa wang tunai, plak dan sijil sebagai tanda penghargaan kepada mereka yang telah berusaha mewujudkan model tandas bersih.

Bersempena dengan sambutan ini juga, terdapat 10 buah tapak pameran mengenai kebersihan, kesihatan, demonstrasi langkah-langkah kebersihan diri dan persekitaran yang betul oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam penjagaan kebersihan tandas.

Pada sebelah petang pula, telah diadakan Seminar Tandas Bersih 1Malaysia bagi membincangkan isu yang berkaitan kebersihan tandas di Malaysia. Penceramah adalah terdiri daripada wakil Universiti Islam Antarabangsa, Persatuan Bilik Air Berkualiti (QRAM), Malaysia Airport Berhad (MAB) dan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Sanzac, Kota Kinabalu, Sabah yang akan berkongsi pengalaman dalam penyelenggaraan tandas yang baik dan berkesan.

Sambutan Hari Tandas Sedunia 2013 (*World Toilet Summit 2013*) ini disambut secara serentak di 60 negara seluruh dunia dengan tema "*Clean, Care and Enjoy*". Pada tahun ini, Sambutan Peringkat Dunia disambut di Solo City, Jawa Tengah, Indonesia. Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2013 ini tidak berhenti di sini sahaja tetapi akan diteruskan oleh semua PBT melalui kempen-kempen bagi mewujudkan tandas bersih di kawasan masing-masing. Majlis pada pagi ini dimeriahkan dengan kehadiran Datuk-Datuk Bandar, Yang Dipertua, wakil-wakil PBT, wakil agensi kerajaan, guru besar dan pengetua sekolah, badan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat kontraktor pembersihan awam.



FAKTA DAN ANGKA

- Sehingga kini, didapati data kumulatif tandas-tandas bersih semakin meningkat tahap kebersihannya berdasarkan kepada penarafan bintang di mana pada tahun 2010, hanya 12% tandas yang dipantau mendapat 3 bintang ke atas dan data ini meningkat kepada 33% bagi tahun 2012-2013 (JUN).
- Peningkatan bilangan penyertaan juga tertera dalam Pertandingan Anugerah Tandas Bersih 1Malaysia. Sejumlah 284 tandas dari pelbagai kategori telah mengambil bahagian pada tahun 2013 berbanding dengan 242 pada tahun 2012 dan 250 pada tahun 2011 dan hanya 155 pada tahun 2010.

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan dalam menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat Anthony Loke Siew Fook (DAP-Seremban) pada 26 September 2013 mengenai jumlah projek insinerator di dalam negara, lokasinya dan juga jumlah peruntukan untuk projek-projek tersebut memaklumkan:

- i. Kementerian merancang untuk membina tiga (3) insinerator berskala besar dengan kapasiti antara 600 dan 1,200 ton sehari;
- ii. Projek insinerator di Taman Beringin, Jinjang akan mempunyai kapasiti 1,000 ton sehari, melalui *private funding initiative*. Projek insinerator di Sungai Udang, Melaka akan mempunyai kapasiti antara 1,000 dan 1,200 ton sehari sementara Projek di Bukit Payong, Batu Pahat akan mempunyai kapasiti antara 600 ke 800 ton sehari; dan
- iii. Projek Sungai Udang dan Bukit Payong dianggarkan menelan kos antara RM600 juta dan RM800 juta akan dijalankan melalui tender terbuka dan *international bidding*

KPKT memberi jaminan bahawa public engagement akan diadakan untuk menerangkan mengenai projek insinerator.

Menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Shamsul Iskandar Mohd. Akin (PKR-Bukit Katil) pada persidangan Dewan Rakyat pada 3 Oktober 2013 mengenai pendekatan terbaik kerajaan dalam mengagihkan kuasa pasaran ke negeri-negeri bagi membantu menyelesaikan masalah perumahan PPR, YB Datuk Abdul Rahman menjelaskan Kerajaan membelanjakan lebih RM 6 billion untuk melaksanakan dan menjayakan Program Perumahan Rakyat (PPR) sejak 1998. Langkah kerajaan membina rumah PPR itu adalah khusus bagi golongan setinggan dan pemohon perlu memohon menerusi sistem pendaftaran terbuka.

YB Datuk Abdul Rahman berkata, selain itu, dakwaan kerajaan hanya menumpu kepada pembangunan di kawasan tertentu sahaja adalah tidak berasas berikutan Kerajaan dari semasa ke semasa akan memperoleh melaksanakan projek pembangunan di seluruh negara dan ianya adalah bergantung kepada peruntukan yang diperolehi.

DIARI PARLIMEN



KPKT memberi jaminan bahawa *public engagement* akan diadakan untuk menerangkan mengenai projek insinerator.

- YB Datuk Abdul Rahman Dahlan



Kerajaan membelanjakan lebih RM 6 billion untuk melaksanakan dan menjayakan Program Perumahan Rakyat (PPR) sejak 1998



- YB Datuk Abdul Rahman Dahlan

Menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kota Raja, Hajah Siti Mariah Mahmud, berkaitan cadangan agar Kementerian memperketatkan syarat Kebenaran Merancang supaya semua bangunan dan kompleks menyediakan prasarana untuk pusat jagaan kanak-kanak dan *nursery*, YB Dato' Abdul Rahman Dahlan menjelaskan bahawa KPKT telah menyediakan Garis Panduan Penubuhan Tadika dan TASKA yang telahpun dirundingi pada Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) pada 21 Mac 2012. Garis Panduan ini kemudiannya telah dipanjangkan kepada semua Kerajaan Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menerangkan secara terperinci aspek perancangan tapak, reka bentuk bangunan dan juga proses penubuhan Tadika dan TASKA.

Garis panduan ini juga jelas menerangkan bahawa PBT seharusnya mensyaratkan untuk penyediaan ruang bagi Tadika dan TASKA di bangunan atau kompleks semasa permohonan Kebenaran Merancang oleh pemaju. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri perlulah memainkan peranan dalam memastikan PBT-PBT di negeri masing-masing menggunapakai dan melaksanakan garis panduan ini sewajarnya.

Menjawab isu yang dibangkitkan oleh Datuk Dr. Wee Ka Siong (BN-Ayer Hitam) mengenai pembangunan Kampung Baharu, YB Datuk Abdul Rahman Dahlan memaklumkan Kerajaan akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM54.81 juta untuk membangunkan infrastruktur di kawasan kampung-kampung baharu tahun depan. Peruntukan tersebut akan digunakan untuk pembinaan jalan, longkang, gelangang bola keranjang serta menaiktaraf balai raya dan dewan serbaguna. Menurut beliau, sepanjang 2008 hingga September lalu, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM365 juta bagi menyediakan infrastruktur di kampung-kampung baharu. Selain itu, sebanyak RM98 juta telah diagihkan kepada 3,039 penerima Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baharu sejak 2011. YB Datuk juga memaklumkan bahawa sebanyak RM15 juta akan disalurkan di bawah skim tersebut tahun depan untuk membantu penduduk Kampung Baharu meningkatkan taraf sosioekonomi dan memiliki hartanah.

Bagi menjawab soalan tambahan Datuk Mansor Othman (PKR-Nibong Tebal) tentang inisiatif merancang kehidupan di kampung baharu khususnya Pulau Pinang, Datuk Abdul Rahman memberitahu Kerajaan sentiasa merangka pelbagai aktiviti bagi tujuan berkenaan termasuk yang berkaitan dengan ekonomi. Tambah beliau, walaupun Pulau Pinang dikuasai pembangkang, Kerajaan tidak pernah meminggirkan negeri itu dan memberi peruntukan yang sewajarnya dengan jumlah yang diberikan meningkat pada setiap tahun. Sebanyak RM214,604 diperuntukan untuk membangunkan Kampung Baharu di Pulau Pinang pada tahun 2000. Jumlah ini meningkat kepada RM1.085 juta pada 2011 dan RM1.43 juta pada 2012.



Kerajaan akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM54.81 juta untuk membangunkan infrastruktur di kawasan kampung-kampung baharu tahun depan



- YB Datuk Abdul Rahman Dahlan

DID YOU KNOW?

"Malaysia's solid waste production last year exceeded 30,000 tonnes a day, surpassing the amount initially projected for 2020. At this rate, existing landfills will be exhausted much earlier than planned" -YB Datuk Abdul Rahman Dahlan

WARGA KREATIF KPKT INOVATIF

Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKT 2013 telah diadakan pada 21 November 2013 bertempat di Hotel The Everly, Putrajaya dan disempurnakan oleh YBhg Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha. Tema sambutan pada tahun ini ialah "Warga Kreatif KPKT Inovatif" yang bermaksud warga KPKT hendaklah mempamerkan tahap daya fikir, kreativiti dan inovasi yang tinggi. Pelbagai aktiviti telah diadakan pada sambutan hari inovasi kali ini termasuk pengiktirafan dan penghargaan kepada inisiatif inovasi warga KPKT.

Pameran Inovasi KPKT 2013

Sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKT, satu pameran diadakan bagi mempamerkan inovasi-inovasi yang memenangi Anugerah Khas Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha, Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan calon-calon peringkat akhir Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT). Sebanyak 12 gerai pameran mempamerkan hasil inovasi pasukan masing-masing.

Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan 2013

Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) merupakan anugerah di bawah struktur pengiktirafan Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) yang diadakan pada setiap tahun. AIPBT merupakan satu pengiktirafan Kerajaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menunjukkan kecemerlangan pembudayaan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan. Lapan (8) PBT telah disenarai pendek untuk penilaian akhir AIPBT 2013 dan YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah menyempurnakan majlis penyampaian hadiah dalam Majlis Penyampaian AISA 2013 pada 24 September 2013. Pemenang Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) adalah seperti yang berikut:

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan	Hadiah
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	Peruntukan Pembangunan RM300,000.00, trofi dan sijil
2.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	Peruntukan Pembangunan RM100,000.00 trofi dan sijil
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Peruntukan Pembangunan RM100,000.00 trofi dan sijil
4.	Majlis Bandaraya Ipoh	Peruntukan Pembangunan RM50,000.00 dan sijil
5.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	Peruntukan Pembangunan RM50,000.00 dan sijil
6.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	Peruntukan Pembangunan RM50,000.00 dan sijil
7.	Majlis Daerah Kerian	Peruntukan Pembangunan RM50,000.00 dan sijil
8.	Lembaga Kemajuan Bintulu	Peruntukan Pembangunan RM50,000.00 dan sijil

Anugerah Khas Menteri

Anugerah ini diberikan kepada individu atau organisasi/kumpulan yang telah memberikan sumbangan dalam menambahbaik atau meningkatkan kecekapan perkhidmatan kepada pelanggan KPKT. Pencalonan adalah daripada inovasi yang telah diperakui keberkesanan atau faedahnya oleh pihak luar atau organisasi di peringkat kebangsaan atau luar negara. Pemegang Anugerah Khas Menteri bagi kategori kumpulan adalah seperti yang berikut:

Bil.	Nama Kumpulan	Hadiah
1.	Kumpulan Progresif Dedikasi (PD) (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan)	Wang tunai RM 4,000.00, piala dan sijil

Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha (AIKSU)

Pada 11 Oktober 2013 yang lalu telah berlangsungnya persembahan untuk Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha (AIKSU) KPKT. Persembahan ini telah berlangsung di KPKT dan diakhiri oleh Dato' Halimi Abdul Manaf Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar); dan Encik Abdul Latif Ismail (Setiausaha Bahagian Teknologi Maklumat KPKT) dan Puan Nor Inchun Haji Mohd Salleh (Setiausaha Bahagian Kewangan dan Perolehan KPKT). Berikut merupakan pemenang bagi AIKSU.

i. Kategori Pengurusan

Kedudukan	Nama Kumpulan/ Jabatan	Inovasi	Hadiah
Tempat Pertama	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	Transformasi ke Arah Pengurusan Rekod Kehadiran Bersepadu Menerusi Sistem Kehadiran (THUMBPRINT)	Wang tunai : RM3,500.00, piala dan sijil
Tempat Kedua	Kumpulan My TownNet (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia)	Pembangunan Sistem Repositori Penyelidikan Perancangan Bandar	Wang tunai : RM2,500.00 dan sijil

ii. Kategori Teknikal

Kedudukan	Nama Kumpulan/ Jabatan	Inovasi	Hadiah
Tempat Pertama	Kumpulan Progresif Dedikasi (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan)	Pelapik Khas Pengangkat Mangsa Kemalangan "RESPACK" (RESCUE PACK)	Wang tunai : RM3,500.00, piala dan sijil
Tempat Kedua	Kumpulan KIK Melati (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor)	Bezz Spray Bernam (BSSB)	Wang tunai : RM2,500.00 dan sijil

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif KPKT

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KPKT ke-5 telah berlangsung dari 4 hingga 5 Sept 2013 di Dewan Kristal, KPKT dan dirasmikan oleh YBhg. Datuk Noriah Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT. Konvensyen kali ini menyaksikan penyertaan oleh sebelas (11) kumpulan iaitu tujuh (7) kumpulan bagi kategori teknikal dan empat (4) kumpulan bagi kategori pengurusan. Sesi viva diadakan pada 4 September 2013 iaitu sehari sebelum konvensyen bagi memastikan kesemua kumpulan selesai mengikut jadual pertandingan yang telah ditetapkan.

Pertandingan pada tahun ini masih lagi mengekalkan format persembahan selama 10 minit. Dalam masa yang sama, kesemua kumpulan diwajibkan membuka gerai pameran untuk mempamerkan produk KIK mereka. Gerai pameran pada tahun ini juga tidak kurang hebatnya dan kesungguhan semua peserta dapat dilihat berdasarkan kreativiti dan daya tarikan yang terdapat pada gerai pameran yang dibuka.

Para Panel Hakim yang dilantik ialah Encik Hussein Mohd Ariff (Setiausaha Kehormat, Malaysia Association of Creativity & Innovation – MACRI) selaku Ketua Panel Hakim, Encik Basharuiddin Abdullah (Penolong Pengarah Kastam Negeri Selangor) dan Puan Nor Aishah Hassan (Pegawai Perunding Kanan, Malaysia Productivity Corporation – MPC). Pemenang bagi Konvensyen KIK KPKT 2013 diumumkan dan diraikan semasa Majlis Perasmian Hari Inovasi KPKT 2013 pada 21 November 2013. Senarai pemenang bagi Anugerah KIK adalah seperti yang berikut:

ii. Kategori Pengurusan

Kedudukan	Nama Kumpulan/ Jabatan	Inovasi	Hadiah
Tempat Pertama	Kumpulan PEKA (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Negeri Pahang)	Pelanggan Menunggu Lama Untuk Mendapatkan maklumat Gunatanah di Kaunter	Wang tunai : RM3,500.00, piala dan sijil
Tempat Kedua	P.R.O PPSPPA Johor	Masalah Peningkatan Aduan Awam	Wang tunai : RM2,500.00 dan sijil
Tempat Ketiga	Kumpulan Creative Team (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia - Ibu Pejabat)	Kesukaran Mendapatkan Gambar / Foto Aktiviti Rasmi Jabatan	Wang tunai : RM1,000.00 dan sijil

ii. Kategori Teknikal

Kedudukan	Nama Kumpulan/ Jabatan	Inovasi	Hadiah
Tempat Pertama	Kumpulan PEKA (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Negeri Pahang)	Pelanggan Menunggu Lama Untuk Mendapatkan maklumat Gunatanah di Kaunter	Wang tunai : RM3,500.00, piala dan sijil
Tempat Kedua	P.R.O PPSPPA Johor	Masalah Peningkatan Aduan Awam	Wang tunai : RM2,500.00 dan sijil
Tempat Ketiga	Kumpulan Creative Team (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia - Ibu Pejabat)	Kesukaran Mendapatkan Gambar / Foto Aktiviti Rasmi Jabatan	Wang tunai : RM1,000.00 dan sijil

Pertandingan Pidato KPKT

Kategori Pengurusan	Nama	Tajuk	Hadiah
Tempat Pertama	Encik Mohd Syamsul Arief Dato' Mahbud Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia	Keluarga Bahagia	Wang tunai : RM600.00, piala dan sijil
Tempat Kedua	Tuan Ramzi Abd Malik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Kebersihan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama	Wang tunai : RM400.00 dan sijil
Tempat Ketiga	Puan Siti Nur Aqilah Rohizad Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	Malaysia Di Hatiku	Wang tunai : RM200.00 dan sijil
Kategori Sokongan	Nama	Tajuk	Hadiah
Tempat Pertama	Puan Thoyyibah Taib Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Malaysia Di Hatiku	Wang tunai : RM600.00, piala dan sijil
Tempat Kedua	Puan Siti Adora Rahtimin Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	Keluarga Bahagia	Wang tunai : RM400.00 dan sijil
Tempat Ketiga	Tuan Yusmi Bin Arshad Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Malaysia Di Hatiku	Wang tunai : RM200.00 dan sijil

Pertandingan Video KPKT

Kategori Pengurusan	Nama	Tajuk	Hadiah
Tempat Pertama	Unit Data dan Teknologi Maklumat Jabatan Landskap Negara	Modal Insan Cemerlang, Ke Arah Negara Taman	Wang tunai : RM1,500.00, piala dan sijil
Tempat Kedua	Puan Siti Athirah Saharudin Bahagian Teknologi Maklumat, KPKT	Asas Pembinaan Montaj	Wang tunai : RM1,000.00 dan sijil
Tempat Ketiga	Encik Muhamad Azham Shah Johari Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	Jam Reuse	Wang tunai : RM750.00 dan sijil

FAKTA PENTING

Anugerah inovasi sektor awam (AISA) merupakan anugerah peringkat kedua tertinggi dalam struktur pengiktirafan sektor awam selepas Anugerah inovasi Perdana Menteri. "Mencabar Kemustahilan, Mencipta Keunggulan" merupakan tema Anugerah Inovasi Sektor awam (AISA)



HARI KITAR SEMULA KEBANGSAAN 2013: JANGAN KOTORKAN MASA DEPAN KITA...KITAR SEMULA

Pada tahun ini, Program Kitar Semula yang dilaksanakan oleh KPKT telah mencecah usia 13 tahun pelaksanaannya dan kadar kitar semula telah meningkat dari 5 peratus pada tahun 2006 kepada 10.5 peratus pada tahun 2012.

YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan Majlis Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan 2013 pada 18 November 2013. Dalam ucapan perasmian, beliau berkata sekiranya pola aliran positif dalam peningkatan kadar kitar semula di Malaysia ini dikekalkan, Kerajaan amat yakin dan optimis bahawa sasaran 22 peratus kitar semula pada tahun 2020 akan dapat dicapai.

Amalan sihat rakyat Malaysia yang menjadikan amalan kitar semula sebagai sebahagian dari kehidupan telah mendorong KPKT untuk terus komited dan menekankan amalan 3R sebagai komponen paling penting dalam pengurusan sisa pepejal di negara ini. KPKT melalui dua (2) agensinya iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) saban tahun melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dapat menggalakkan peningkatan kadar kitar semula di negara. Tujuannya adalah untuk menyedarkan rakyat betapa besar impak kitar semula ke atas pengurusan sisa pepejal di Malaysia.

Rakyat Malaysia adalah diseru untuk melihat situasi semasa di negara ini yang mana pertambahan sisa pepejal dari sehari ke sehari telah menyebabkan jangka hayat tapak-tapak pelupusan yang ada di seluruh Malaysia menjadi semakin pendek. Oleh hal yang demikian, Kerajaan terpaksa membuka tapak-tapak pelupusan baharu atau kemudahan-kemudahan merawat dan melupuskan sisa pepejal seperti Loji *Waste to Energy* yang akhirnya hanya akan meningkatkan persaingan guna tanah. Walhal jika sekiranya rakyat Malaysia berjaya dalam program 3R ini yang merupakan komponen paling penting dalam pengurusan sisa pepejal, negara dapat mengurangkan kebergantungan ke atas tapak-tapak pelupusan baharu atau kemudahan-kemudahan merawat dan melupuskan sisa pepejal dan seterusnya menjimatkan peruntukan pembangunan Negara.

Bagi menggalakkan kesedaran dan amalan kitar semula di kalangan rakyat Malaysia, pendekatan dua (2) hala iaitu Penguatkuasaan Undang-undang dan insentif oleh Kerajaan bergerak seiring disusuli dengan kempen-kempen kesedaran awam dan pendidikan yang berterusan. Antara langkah yang sedang dan telah diambil oleh Kerajaan melalui Penguatkuasaan Undang-undang dan insentif Kerajaan.

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang telah dikuatkuasakan pada 1 September 2011, mempunyai peruntukan khusus untuk menggalakan amalan 3R iaitu kurangkan (*reduce*), guna semula (*reuse*) dan kitar semula (*recycle*). Di antara peruntukan penting yang berkaitan dengan kitar semula dalam Akta 672:

- Pengasingan Sisa di Punca (satu (1) kali kutipan sisa pepejal dalam seminggu dikhaskan bagi sisa pepejal yang boleh dikitar semula);
- Pengurangan penajaan sisa, penggunaan semula bahan-bahan dan pengitaran semula bahan-bahan;
- Sistem terima balik; dan
- Sistem bayaran balik deposit.

Di samping itu, bagi menggalakkan industri kitar semula, Kerajaan juga di bawah Akta 672 boleh:

- melaksanakan sistem kod dan pelabelan bagi keluaran atau bahan yang mempunyai bahan kitar semula;
- mengkehendaki mana-mana orang atau syarikat menggunakan amaun tertentu bahan yang dikitar semula bagi keluran tertentu

Namun, Kerajaan tidak mahu masyarakat hanya bergantung kepada pendekatan penguatkuasaan sahaja kerana Kerajaan mahu menjadikan masyarakat menganggap amalan kitar semula itu sebagai sebahagian dari amalan seharian dalam kehidupan seperti mana rakyat Jepun. Oleh hal yang demikian, sokongan menyeluruh dari pihak swasta, syarikat-syarikat korporat, badan bukan Kerajaan, komuniti setempat dan semua lapisan masyarakat keseluruhannya amat diharapkan. Bagi tujuan ini, Kementerian telah menjalinkan kerjasama dengan dua (2) Badan Bukan Kerajaan iaitu Malaysian Environmental (MENGO) dan Recycle Community (RCOMM). Pemberian sijil kepada syarikat-syarikat swasta dan sekolah-sekolah yang aktif dalam mempromosikan 3R juga dapat menjadi salah satu platform untuk meningkatkan lagi penyertaan dari pelbagai pihak.

Penyertaan komited semua pihak amat diharapkan bagi memastikan sasaran sebanyak 22 peratus sisa kitar semula menjelang tahun 2020 tercapai dan yang paling penting ialah sokongan dan ketersediaan setiap lapisan masyarakat dalam menjadikan amalan mengitar semula sebagai sebahagian dari kehidupan harian. Ini kerana tiap ahli masyarakat adalah bertanggungjawab terhadap masa depan yang sihat dan sejahtera. Jangan Kotorkan Masa Depan Kita... Kitar Semula!





45 SEKOLAH SERTA HABITAT MOMENT 2013

YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan Program *Habitat Moment* dan Bank Kitar Semula sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia 2013 pada 23 September 2013. Kemuncak Sambutan Hari Habitat Sedunia 2013 ialah acara majlis pelancarannya pada 7 Oktober 2013 dengan tema sambutan pada tahun ini "Urban Mobility".

Ikrar Aku Janji *Habitat Moment* adalah pembacaan ikrar oleh pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di 45 sekolah yang terpilih di seluruh negara yang berjanji akan lebih bertanggungjawab dalam memelihara kemampunan petempatan manusia dan alam sekitar. Program tahunan sejak 2009 ini mempunyai objektif untuk meningkatkan kesedaran kepada pelajar terhadap isu-isu semasa petempatan manusia dan perancangan alam sekitar kepada golongan pelajar ini yang merupakan golongan pelapis pemimpin negara pada masa hadapan.

Program Bank Kitar Semula juga dilaksanakan di 45 buah sekolah yang berkenaan bermula jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang bermatlamatkan penerapan amalan kitar semula dalam kehidupan seharian. Program Bank Kitar Semula ini telah dimulakan sejak tahun 2010 lagi oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pengurusan Awam (PPSPPA) menerusi Program 3R. Sehingga Jun 2013, sebanyak

549,049.38 kg barangan kitar semula telah berjaya dikumpulkan melibatkan 392 buah sekolah rendah dan menengah. Objektif Program Kitar Semula ialah:

- Meningkatkan kesedaran pelajar terhadap isu semasa petempatan manusia dan perancangan alam sekitar. Kesedaran awal sebegini diharapkan dapat memantapkan minda dan menjadikan pelajar lebih peka terhadap isu semasa;
- Program ini dapat menyemai dan membudayakan amalan kitar semula di peringkat sekolah lagi agar negara dapat meningkatkan dan mencapai peratus kitar semula kepada 22 peratus yang disasarkan pada tahun 2020; dan
- Program ini mampu mengurangkan penggunaan bahan mentah dan menggunakan sedikit tenaga berbanding pemprosesan bahan dari sumber asli serta mengurangkan kesan pemanasan global.

Program Kitar Semula dijayakan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) ini dengan kerjasama syarikat konsesi / pihak kitar semula di setiap negeri dan cawangan yang ada wakil PPSPPA bagi menguruskan pengumpulan dan penjualan barangan kitar semula tersebut. Manakala kedua-dua Program *Habitat Moment* dan Bank Kitar Semula ini melibatkan kerjasama padu dari Kementerian Pelajaran Malaysia.



IGM 2013 PROMOSI MALAYSIA SEBAGAI HUB EKONOMI SERANTAU HIJAU

Bahagian Kitar Semula dan Kesedaran Awam telah dijemput untuk menyertai pameran sempena Persidangan Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko Malaysia (IGM) 2013 pada 10 hingga 13 Oktober 2013 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur yang membawa tema "Advancing Green Growth & Global Entrepreneurship". Objektif utama persidangan kali keempat ini adalah untuk memberi kesedaran di kalangan orang awam dan penggiat industri mengenai kepentingan teknologi hijau dan produk eko untuk membangunkan produk dan perkhidmatan yang mesra alam.

Persidangan ini adalah antara langkah terbaik untuk kementerian dan ahli industri memahami dan membina jaringan kerjasama dan perniagaan hijau masa depan dengan negara luar. Ini secara tidak langsung dapat mempromosi Malaysia sebagai hub ekonomi serantau hijau untuk produk eko dan teknologi hijau serta perkhidmatan.

Antara negara yang turut terlibat dalam pameran ini ialah Singapura, Taiwan, Austria, Sepanyol, China, Jepun dan Korea. Agensi-agensi tempatan yang terlibat ialah Institut Piawaian dan Penyelidikan Malaysia (SIRIM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Malaysia (SPAN), Environment Idaman Sdn Bhd; Alam Flora Sdn Bhd; dan SWM Environment Sdn Bhd.



PPSPPA ANJUR SEMINAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

Seminar Penyelidikan Dan Inovasi Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam telah diadakan pada 13 November 2013, bertempat di Pullman Putrajaya Lakeside, Putrajaya. Seminar ini telah dianjurkan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA) dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Halimi Abdul Manaf, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), KPKT. Seramai kira-kira 176 orang peserta telah menyertai seminar ini yang terdiri dari tenaga kerja pelbagai agensi, pelajar-pelajar universiti serta pensyarah-pensyarah dari Institusi Pengajian Tinggi.

Objektif pengumuman seminar ini adalah untuk berkongsi maklumat berkenaan dengan pengurusan sisa pepejal dan teknologi yang digunakan. Selain pengumuman seminar juga diharap dapat meningkatkan kesedaran dan pendidikan mengenai teknologi dalam pengurusan sisa agar dapat meminimumkan impak negatif kepada persekitaran dan memulihara alam sekitar untuk jangka masa panjang.



KERANGKA BANDAR SEJAHTERA MASA DEPAN MALAYSIA

Konsep Bandar Sejahtera Masa Depan Malaysia merangkumi proses perancangan pembangunan dengan matlamat mencapai pembangunan mampan secara holistik yang berpaksikan kepada pengintegrasian tiga (3) aspek utama iaitu:

- sistem sosial yang inklusif
- ekonomi yang produktif
- persekitaran bandar hijau

Matlamat mewujudkan sistem sosial yang inklusif termasuklah mewujudkan komuniti yang sihat dan bahagia, masyarakat yang bersatu padu dan berbudaya penyayang dan berinteraksi serta melahirkan masyarakat yang peka kepada keperluan golongan tua, kanak-kanak dan orang kurang upaya (OKU). Tindakan-tindakan fizikal termasuk meningkatkan penawaran perumahan mampu milik yang selesa, dan mewujudkan bandar yang selamat dari jenayah.



Sistem ekonomi yang produktif pula bermatlamat untuk mewujudkan ekonomi yang berdaya tahan, mempertingkatkan keusahawanan dan mampu membanteras kemiskinan bandar. Ini juga boleh disokong dengan langkah-langkah menggalakkan *green economy* seperti menyokong pembangunan berorientasikan transit (*Transit-Oriented Development*), pembangunan pelbagai (*mixed development*) menggalakkan infrastruktur dan bangunan hijau dan menyokong teknologi inovatif. Bagi mewujudkan persekitaran bandar hijau, ciri-ciri yang perlu bagi sebuah bandar adalah ianya berkarbon rendah, penggunaan tenaga yang cekap dan boleh diperbaharui, penggunaan sumber air yang cekap dan berhemah, pengurusan sisa pepejal yang efisien,

sistem pengangkutan awam dan pembangunan keijiranan hijau yang memberi fokus kepada kemudahan untuk laluan pejalan kaki dan basikal serta mempromosi amalan gaya hidup hijau di kalangan masyarakat.

Bandar masa hadapan akan menjadi *centre of innovation* dan perlu member penekanan kepada penggunaan teknologi yang bersesuaian dan dalam masa yang sama mengelak pembaziran dalam mengejar teknologi. Sehubungan dengan itu, konsep integrasi teknologi dalam '*ubiquitous cities*' dan '*smart cities*' adalah wajar di dalam menggalakkan inovasi pintar. Selain daripada itu, bandar sejahtera masa depan dan masyarakatnya perlu mempunyai daya tahan terhadap risiko bencana seperti banjir, tsunami, tanah runtuh dan sebagainya. Bandar masa depan perlu memenuhi aspirasi melahirkan 'bandar yang sejahtera untuk manusia' (*human-centred cities*) dalam menangani proses dan cabaran pembangunan bandar yang semakin rumit. Justeru, kerangka konsep dan ciri-ciri bandar sejahtera masa depan ini hendaklah diterjemahkan dalam mencipta dan mereka bentuk model yang sesuai untuk Bandar Sejahtera Masa Depan Malaysia.



KE ARAH BANDAR SEJAHTERA MASA DEPAN

Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2013 telah diadakan di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur pada 12 November 2013 dan telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak. Tema sambutan pada tahun ini ialah 'Ke Arah Bandar Sejahtera Masa Depan' yang membawa maksud



keseimbangan dalam usaha kerajaan mencapai status negara maju berpendapatan tinggi, komuniti sejahtera dan masyarakat penyayang.

Sambutan HPBS 2013 adalah hasil kerjasama pihak Jabatan Perancangan Bandar Semenanjung Malaysia (JPBD) dengan Persatuan Pegawai Perancang Bandar (PERSADA), dengan sokongan daripada pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) dan Kelab Sukan dan Kebajikan JPBD SM (KESPERB). Di antara program yang diadakan adalah seperti yang berikut:

- Program Kayuhan Sejahtera sempena HPBS 2013 di Taman Seri Empangan, Presint 5, Putrajaya (26 Oktober 2013).
- Persidangan Antarabangsa yang telah dibentangkan oleh Tuan Yang Terutama Luc Vandebon (Duta dan Ketua Delegasi *European Union* di Malaysia), YBhg. Datuk Haji Zainuddin Muhammad (Pengerusi Lembaga Rayuan Negeri Johor), dan Dr. Abdul Kadir Abu Bakar (Pengerusi Persatuan Psikiatri Malaysia).
- Majlis Perasmian HPBS 2013 oleh Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak.
- Perbincangan Panel berkaitan *City Talk: Thinking, Planning and Acting Together for the Future of Our Cities*.



KPKT RAI PENGAMAL MEDIA SABAH

KPKT melalui Unit Komunikasi Korporat KPKT telah menganjurkan Malam Media 2013 bertempat di Kota Kinabalu Sabah pada 23 November 2013 di Le Meridien Hotel, Kota Kinabalu Sabah. Majlis yang bertemakan "Glam and Glamorous" ini telah dirasmikan oleh YB Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak; dan Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, YBhg. Dato' Dr. Nadzri Yahaya.

Tujuan utama majlis ini diadakan adalah untuk menghargai para pengamal media di Sabah dan menjalinkan hubungan baik dengan Ketua Editor, Ketua Pengarang, Ketua Biro, wartawan dan juga jurugambar media-media di Sabah.

Berucap pada majlis tersebut, YB Menteri memberikan jaminan bahawa KPKT akan sentiasa mencari ruang untuk mendekati pengamal media massa di Malaysia. Hal ini penting bagi memastikan segala program yang dirancang oleh Kerajaan dapat difahami sepenuhnya oleh rakyat di seluruh Negara melalui penyaluran berita yang sahih oleh pihak media, disamping mengurangkan spekulasi dan tanggapan buruk rakyat terhadap dasar Kerajaan.



Pada 3 Oktober yang lalu, YB Datuk Abdul Rahman Dahlan telah mengetuai kunjungan KPKT ke Balai Berita The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP). Turut sama dalam kunjungan ini ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), Y.Bhg Dato' Halimi Abdul Manaf; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg. Datuk Noriah Hashim; Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YBhg. Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim; Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, YBhg. Dato' Dr. Mohd Padzil Hashim; dan Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, YBhg. Datin Maziah Adnan.



Rombongan KPKT ini disambut mesra oleh Pengerusi NSTP, Tan Sri Mohamed Jawhar Hassan; Ketua Pegawai Eksekutif NSTP, Mohd Azlan Abdullah; Pengarang Urusan Kumpulan NSTP, Datuk Abdul Jalil Hamid; Timbalan Pengarang Kumpulan Berita Harian, Mahfar Ali dan Pengarang Kumpulan Harian Metro, datuk Mustapa Omar.

KUNJUNGAN KE JABATAN PENGARANG KOSMO

Pada 8 Oktober yang lalu, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan telah mengadakan lawatan ke Jabatan Pengarang Kosmo! Di Jalan Chan Sow Li. Hadir sama pada sesi lawatan tersebut ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) Kementerian Y.Bhg Dato' Halimi Abdul Manaf dan Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Dato' Dr. Mohd. Fadzil Hashim.

Rombongan KPKT ini telah disambut oleh Pengarah Eksekutif Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Nasir Ali; Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Aziz Ishak; Pengurus Jabatan Pengarang, Syed Agil Syed Jaafar; Pengarang Kosmo! Baharom Mahusin; Penolong Pengarang 1 Kosmo! Mohd Nor Ab. Samad dan Penolong Pengarang 2 Kosmo!, Lokman Othman.

Lawatan yang dihadiri oleh 15 pegawai dari KPKT ini adalah bagi merapatkan hubungan pihak Kementerian dengan media agar kerjasama lebih jitu dapat dilakukan pada masa akan datang untuk faedah bersama.

LAWAT UTUSAN

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Abdul Rahman Dahlan bersama-sama dengan anggota pengurusan tertinggi KPKT telah mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Utusan Malaysia (M) Berhad, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur, pada 8 Oktober 2013.

Rombongan lawatan ini telah disambut oleh Pengarah Eksekutif Kumpulan Utusan Melayu, Datuk Mohd. Nasir Ali Ketua Pengarang Kumpulan, Datuk Aziz Ishak (depan, lima dari kanan), Timbalannya Datuk Othman Mohamad (barisan kedua, lima dari kanan), Timbalannya datuk Othman Mohamad dan Pengurus Jabatan Pengarang, Syed Agil Syed Jaafar.



TURUN PADANG



LAWATAN KERJA YB MENTERI KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT TABUAN JAYA

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membuat lawatan kerja ke Balai Bomba dan Penyelamat Tabuan Jaya pada 2 September 2013. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT, YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Ketua-ketua jabatan KPKT, YB Tuan Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Muda Perumahan dan

Menteri Muda Pembangunan Komuniti Belia (Kawasan Bandar) Negeri Sarawak, YBhg. Datu Penguang Manggil, Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti Sarawak dan wakil Setiausaha Persekutuan Sarawak serta pegawai-pegawai kanan jabatan.

Ketibaan YB Menteri disambut dengan menerima tabik hormat daripada Perbarisan Kehormat. Dalam lawatan tersebut, YB Menteri berkesempatan



melawat persekitaran balai dan kelengkapan operasi balai. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar dengan warga JBPM Negeri Sarawak.



KSU LAWAT TAPAK CADANGAN PELAN TINDAKAN NBOS KOTA BELUD

Pada 22 November 2013, YBhg. Ketua Setiausaha (KSU) KPKT, Dato' Seri Arpah Abdul Razak telah mengadakan lawatan ke Kota Belud, Sabah bagi menyelaraskan pelaksanaan Pelan Tindakan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) Kota Belud, Sabah. Lawatan ini merupakan susulan dari cadangan YB Menteri untuk menjalankan aktiviti membaiki pulih alam persekitaran, landskap Padang Pekan dan persisiran Sungai Gurung-Gurung, sistem saliran bandar, sistem aliran lalu-lintas dan tempat letak kereta, Pasar Tamu, aktiviti ekonomi dan gerai di Bandar Kota Belud. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah diberi mandat oleh YBhg. Datuk Seri KSU untuk menyelaraskan pelaksanaan Pelan Tindakan NBOS Kota Belud.

Lawatan tapak ini turut dihadiri bersama oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), Ketua Eksekutif Perbadanan Pengurusan



Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), wakil Jabatan Landskap Negara (JLN), Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek, Setiausaha Bahagian Kewangan, wakil Unit Komunikasi Korporat, wakil Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Unit NKRA Bandar Selamat dan Jabatan-Jabatan dan agensi terlibat dalam cadangan pelaksanaan NBOS Kota Belud.

Antara lokasi yang dilawati oleh YBhg. Datuk Seri KSU dan rombongan ialah Padang Pekan, Pasar Tani, Terminal Bas, Pasar Besar, Kompleks Centenary, Alap Bana, Gerai Belakang Bangunan Usia, Pasar Tamu dan Kompleks Sukan Kota Belud.

29 Oktober 2013 - Lawatan Kerja YBM KPKT ke Loji Pemprosesan Sisa Pepejal Semenyih



LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARIPADA POLITEKNIK NILAI



Pada 8 Oktober 2013, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA) telah menerima kunjungan dari Politeknik Nilai melibatkan 45 orang terdiri daripada pensyarah dan pelajar-pelajar Diploma Bioteknologi Semester 1 dan 2.

Lawatan ini bertujuan untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran pelajar dalam pengurusan sisa buangan biologi untuk Program Bioteknologi yang berkaitan dengan kursus YB102 *Laboratory Techniques and Management*. Lawatan tersebut dilengkapi dengan penerangan ringkas berkenaan mengenai Perbadanan kepada pelajar



dan pensyarah, ucapan alu-aluan daripada Ketua Pengawai Eksekutif Perbadanan serta lawatan ke Pusat Pengkomposan Universiti Malaya

USM LAWAT PPSPPA



Pada 14 November 2013, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA) telah menerima lawatan akademik dari Universiti Sains Malaysia (USM) melibatkan seramai 20 orang terdiri

daripada pensyarah dan pelajar-pelajar di bawah Sekretariat Kampus Sejahtera.

Lawatan ini bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan dua hala antara USM dan PPSPPA dari sudut penjagaan alam sekitar dan kelestarian. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan mendedahkan ahli Sekretariat Kampus Sejahtera dengan suasana persekitaran dan proses pengurusan sisa pepejal melalui kitar semula. Lawatan tersebut dilengkapi dengan penerangan ringkas mengenai Perbadanan, penerangan berkaitan dengan kitar semula serta demonstrasi pengkomposan.



LAWATAN

LAWATAN WORLD BANK KE KAWASAN BLACK SPOT PEKAN SUBANG

Program lawatan daripada Bank Dunia (*World Bank*) yang diwakili oleh Professor Charles Sabel dan Luke Jordan dari *Columbia Law of School*, New York ke kawasan *Black Spot* Pekan Subang, Selangor telah diadakan pada 27 November 2013. Lawatan ini adalah sebahagian daripada program yang dikendalikan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU) untuk memberi penjelasan dan penerangan mengenai inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui NKRA dan NKEA.

Inisiatif Pemutihan Kawasan *Black Spot* merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah. Sebanyak 20 kawasan *black spot* di 17 buah PBT telah dipilih untuk melaksanakan program pemutihan *black spot* pada tahun 2013 yang dibiayai oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Tujuan utama inisiatif ini adalah untuk mengurangkan persepsi takut menjadi mangsa jenayah (*fear of crime*) di kalangan orang awam.

Sempena program lawatan ini, Unit Khas NKRA Bandar Selamat telah memilih kawasan *black spot* Pekan Subang, Selangor di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sebagai *showcase* atau contoh untuk dipertontonkan kepada kedua-dua Bank Dunia.

Program separuh hari itu dimulakan dengan ucapan oleh YBhg. Dato' Mohd Jaafar Mohd Atan, Datuk Bandar MBSA mengenai projek-projek yang telah dilaksanakan oleh MBSA di kawasan *black spot* Pekan Subang. Taklimat ringkas mengenai NKRA Mengurangkan Jenayah telah disampaikan oleh En. Eugene Teh dari PEMANDU sebelum diteruskan dengan sesi lawatan ke kawasan *black spot* Pekan Subang. Antara projek yang dilawati oleh delegasi Bank Dunia di kawasan Pekan Subang adalah lokasi pemasangan CCTV di tengah-tengah Pekan Subang, tempat letak motorsikal berkunci, laluan pejalan kaki di lorong belakang kedai, projek landskap dan penyediaan laluan pejalan kaki berserta rel penghadang. Wakil persatuan penaja dan wakil penduduk turut sama dalam sesi lawatan tersebut. Majlis diakhiri dengan jamuan makan tengahari di Balai Polis Kg. Baru Subang.

PENGIKTIRAFAN



PENGIKTIRAFAN OLEH THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS

KPKT telah menerima Pensijilan MS 1900:2005 *Quality Management Systems - Requirements from Islamic Perspectives* dan MS ISO 9001:2008 *Quality Management Systems - Requirements*. Kedua-dua pensijilan tersebut telah diperoleh berkuatkuasa dari 13 September 2013 sehingga 12 September 2016.

Skop Pensijilan MS 1900:2005 *Quality Management Systems - Requirements from Islamic Perspectives*

- Menggubal, merancang, melaksana dan memantau dasar dan program KPKT;
- Memantau projek pembangunan Rancangan Malaysia di bawah KPKT; dan
- Perkhidmatan sokongan yang berkaitan.

Pensijilan MS ISO 9001:2008 *Quality Management Systems - Requirements*

- Menggubal, merancang, melaksana dan memantau dasar dan program KPKT;
- Memantau projek pembangunan Rancangan Malaysia di bawah KPKT;
- Pengurusan Pelesenan dan Penguatkuasaan Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai; dan
- Perkhidmatan sokongan yang berkaitan

Kedua-dua pensijilan tersebut telah melayakkan KPKT diiktiraf sebagai Kementerian Pertama Yang Menerima Pensijilan MS 1900:2005 dan MS ISO 9001:2008 Secara Serentak daripada SIRIM oleh *The Malaysia Book of Records*.



PENGIKTIRAFAN AUDIT BAHASA MELAYU

Pengauditan Audit Bahasa Melayu KPKT 2013 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah diadakan pada 23 hingga 27 September 2013. Pelaksanaan Audit Bahasa Melayu di KPKT ini adalah bagi menilai tahap penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32). Seramai 23 juruaudit terlibat bagi mengaudit 12 bahagian dan unit di KPKT.

Kaedah analisis pengauditan merangkumi tahap peratusan penggunaan Bahasa Melayu dan bahasa lain; dan mutu peratusan kesalahan bahasa dalam dokumen. Antara dokumen-dokumen rasmi Kementerian yang diaudit antaranya, memo,

e-mel, surat, minit mesyuarat, laporan dan nota pembentangan.

Hasil pengauditan telah dibentangkan oleh pihak DBP pada 30 September 2013 iaitu dalam Mesyuarat Penutup Audit Bahasa Melayu yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Noriah Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan). Hasil pengauditan mendapati tahap penggunaan Bahasa Melayu di KPKT berada pada tahap yang sangat baik iaitu Aras 5 dengan markah 98.4% dan mutu Bahasa Melayu yang digunakan KPKT berada di tahap baik iaitu Aras 4 dengan markah 82.95%. Berikut merupakan hasil pengauditan penggunaan Bahasa Melayu mengikut bahagian di KPKT.

KEDUDUKAN	BAHAGIAN	HADIAH
Pertama	Bahagian Teknologi Maklumat, KPKT	Sijil
Kedua	Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek, KPKT	Sijil
Ketiga	Bahagian Korporat, KPKT	Sijil

INFO

AUDIT BAHASA MELAYU

Audit ini menilai dua (2) aspek utama iaitu tahap penggunaan bahasa Kebangsaan dan mutu bahasa melibatkan dokumentasi, surat atau secara bertulis. Penekanan penggunaan bahasa Kebangsaan dalam urusan pentadbiran tidak membataskan penggunaan bahasa lain seperti bahasa Inggeris sebaliknya kedua-duanya boleh digunakan dalam dokumentasi dan surat-menyurat berdasarkan keperluan dan tanpa meminggirkan bahasa Kebangsaan.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

KPKT 2014-2018 SIAP DIBANGUNKAN



Agenda	Lokasi	Tarikh
Taklimat 1GovUC	KPKT	22 dan 23 Oktober 2013
	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia	24 Oktober 2013
Klinik 1GovUC	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	25 Oktober 2013
	KPKT	1, 6, 7 dan 8 November 2013
	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	6 November 2013
	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia	7 November 2013




PENGUMUMAN

E-mel baharu PPSPPA @swcorp.my

Sejajar dengan usaha memperkasakan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA), bermula pada 24 Oktober yang lalu, alamat e-mel rasmi PPSPPA telah ditukar kepada @swcorp.my. Walau bagaimanapun e-mel yang dihantar ke alamat e-mel yang lama masih boleh diterima sehingga diberitahu kelak. Sebarang masalah boleh berhubung dengan Bahagian Teknologi Maklumat dan Pengurusan Data, PPSPPA.

AKTIVITI BOMBA



AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT WAKAF TAPAI BAKAL DILENGKAPI SIMULATOR

Majlis Perasmian Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia di Wakaf Tapai, Marang, Terengganu telah disempurnakan oleh Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin pada 24 September 2013. Majlis turut dihadiri oleh Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah; Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said; isterinya, Toh Puan Seri Norliza Mahmud; Barisan Exco Kerajaan Negeri serta para pembesar dan kenamaan negeri. Turut hadir ialah YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan; Ketua Pengarah Bomba dan Penyelamat, Dato' Wan Mohd. Nor Ibrahim; Pengarah Bomba dan Penyelamat Negeri, Md. Salleh Sarbini dan Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat berkenaan, Abd. Razak Muda.

Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia ini mula dibina pada tahun 1999 dan siap pada tahun 2002 dan memulakan operasinya setahun kemudian. Secara keseluruhannya, fasa pertama dan kedua pembinaan akademi ini telah siap dibina dengan peruntukkan RM120 juta melibatkan kawasan seluas kira-kira 144 hektar. Akademi ini adalah yang terbaik dan terbesar di Asia yang menyediakan pelbagai kemudahan termasuk bangunan pentadbiran, akademi, penginapan pelatih, perumahan kakitangan, sukan dan rekreasi, kemudahan asrama serta dewan.

Akademi ini akan terus diperkasakan dengan pembinaan kelengkapan canggih termasuk simulator kapal dan kapal terbang serta landasan pesawat pada masa akan datang. Pembinaan simulator dan landasan ini akan dilaksanakan di bawah fasa pembangunan seterusnya yang dijangka menelan belanja sekurang-kurangnya RM100 juta. Pembangunan tambahan ini bukan sahaja akan melibatkan pembinaan simulasi memadamkan kebakaran kapal-kapal besar serta kapal terbang terhempas atau yang terbakar, malah akademi akan mempunyai sebuah tasik.

Bagi fasa berikutnya, pembangunan akan melibatkan pembinaan simulasi memadam kebakaran melibatkan kapal-kapal besar, dan penyediaan tasik sendiri adalah untuk kegunaan simulasi terbakar yang mana fasiliti simulator akan digunakan untuk memadamkan api.

KPKT sentiasa merancang dan memantau pembangunan akademi tersebut bagi memastikan peningkatan mutu latihan dan perkhidmatan para anggota serta pegawai bomba dalam usaha meletakkan Malaysia setanding negara lain di dunia dalam bidang kebombaanan sejajar dengan pembangunan dan keperluan negara.

KEMPEN KESELAMATAN KEBAKARAN PERINGKAT ZON TAWAU

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Program Kempen Keselamatan Kebakaran Peringkat Zon Tawau, JBPM Negeri Sabah di Dewan Yayasan Lau Gek Poh pada 15 September 2013.

Antara segmen yang diadakan ialah pertandingan mewarna Kelab 3K, pertandingan kawad operasi, penyampaian Sijil Skim Teman Pili Bomba, penyerahan Alat Pemadam Api dan demonstrasi kebombaanan. Tujuan utama program ialah untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan asas berhubung aspek keselamatan kebakaran, mendedahkan langkah-langkah perlindungan dan pencegahan kebakaran di kalangan masyarakat umum serta memberikan pengetahuan asas dalam teknik-teknik pencegahan kebakaran kepada setiap lapisan masyarakat.

Turut hadir ialah YS TPJB Dato' Rusmani Mohamad, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran, YS PKPJ Nordin Pauzi, Pengarah JBPM Negeri Sabah serta pegawai-pegawai kanan JBPM.


OPERASI MENYELAMAT DAN MEMINDAH MANGSA BANJIR: LEBIH 3000 ANGGOTA TERLIBAT

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menyediakan lebih 500 buah bot, beberapa buah lori dan helikopter bagi kegunaan dalam misi menyelamatkan mangsa banjir yang melanda beberapa negeri terutamanya di Pantai Timur pada bulan November dan Disember 2013.

Bagi menjayakan operasi ini, JBPM telah membekukan cuti anggota jabatan di negeri yang terjejas akibat banjir. Sepanjang tempoh operasi ini, lebih daripada 3,000 anggota bomba ditugaskan membantu mangsa-mangsa banjir dan Ketua Pengarah JBPM turut mengarahkan anggota dari negeri lain untuk turut membantu operasi menyelamatkan dan memindahkan mangsa banjir. Sebahagian anggota dan logistik dari Selangor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan turun untuk membantu dalam operasi banjir di Pahang, Johor dan Terengganu. Langkah ini diambil bagi memastikan usaha membantu mangsa banjir dapat dilakukan dengan lebih pantas.

Unit Udara Bomba juga turut melakukan tinjauan udara bagi mengesan mangsa banjir di kawasan-kawasan yang sukar dihubungi menerusi jalan darat. Selain itu, Unit juga ditugaskan untuk menghantar bekalan makanan dan keperluan asas kepada mangsa banjir.

AKTIVITI BOMBA



PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROJEK PEMBINAAN SEMULA RUMAH TERBAKAR

Majlis Penyerahan Kunci Rumah Projek Pembinaan Semula Rumah Terbakar di bawah inisiatif *National Blue Ocean Strategy* (NBOS 7) telah disempurnakan oleh YAS Dato' Haji. Amer Haji Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) di Kampung Buntal Ulu, Kuching Sarawak pada 20 September 2013. Turut hadir ialah YS PKPJ Nor Hisham Mohammad, Pengarah JBPM Negeri Sarawak, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan JBPM. Projek pembinaan semula rumah milik Encik Ismail Ropen yang musnah terbakar pada 28 Jun 2013 telah dibina semula oleh anggota bomba JBPM Negeri Sarawak

Dalam majlis yang berlainan, YB Datuk Seri Noh Haji Omar, Ahli Parlimen Tanjung Karang telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Projek Pembinaan Semula Rumah Terbakar di Ban 3 Parit 4 Sekinchan, Selangor pada 23 Disember 2013. Turut hadir ialah YAS Dato' Haji Amer Haji Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan); PKPJ Othman Abdullah, YS Pengarah JBPM Negeri Selangor; PKPJ Saadon Mokhtar, Komandan Akaedemi Pusat Latihan Kuala Kubu Bharu; PPJB Mohd Puzi Mohd Tabot, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Selangor; dan Penolong-penolong pengarah bahagian, ketua-ketua zon, ketua-ketua balai, pegawai-pegawai kanan, anggota dan penduduk kampung. Selain daripada penyerahan kunci, YB Datuk Seri juga telah merasmikan pembukaan rumah tersebut serta telah menyerahkan sijil penghargaan kepada anggota yang terlibat menjayakan program mendirikan rumah itu. Projek ini merupakan projek pembinaan semula rumah terbakar yang kedua dibuat di Negeri Selangor.





KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

mengucapkan



**SELAMAT
TAHUN BARU**

2014

**Bersamalah Kita
Menyemarakkan Sambutan
Tahun Melawat Malaysia 2014!**



MAKLUM BALAS

Sebarang maklum balas/aduan berkaitan KPKT dan Jabatan/Bahagian dibawahnya, sila layari
<http://ehome.kpkt.gov.my/aduan-online> atau SMS ke 15888 atau emel ke pro@kpkt.gov.my